

# Jasad dua pahlawan tiba malam esok

## Raja Nazrin ketuai upacara penerimaan penuh istiadat

Oleh Mohd Hamizar Hamid

**I**POH: Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah akan mengetuai istiadat menerima jasad dua pahlawan negara yang dibawa pulang dari Singapura ke Lumut, Sabtu ini.

Kedua-dua jasad Orang Besar Jajahan Hilir Perak, Tengku Menteri Ngah Ibrahim dan bapa mentuanya Laksamana Mohd Amin Alang akan dibawa menaiki kapal KD Laksamana dan disambut dengan penuh adat istiadat kepahlawanan oleh pegawai dari ketiga-tiga cabang Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Menteri Besar, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali yang akan mengiringi Raja Dr Nazrin berkata, beliau difahamkan kedua-dua jasad berkenaan akan sampai di Lumut, malam Jumaat ini.

Beliau berkata, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Rais Yatim, akan turut menyertai majlis bersejarah itu.

"Sejurus selepas istiadat penyerahan, keranda yang membawa jasad

Ngah Ibrahim akan dibawa ke Taip (dekat sini) untuk disemadikan di Kompleks Muzium Matang manakala keranda yang membawa jasad Mohd Amin pula akan dibawa ke Kuala Kangsar untuk dikebumikan di Makam Diraja Perak di Bukit Chandan.

"Jasad Mohd Amin akan dikebumikan bersebelahan pusara Sultan Abdullah yang berjuang bersama mereka dalam menentang penjajah British," katanya selepas penutup Perhimpunan Kelab Adun Negeri SeMalaysia (BBC) di sini, semalam.

Hasrat memindahkan jasad mereka sejak Ogos 2004, direalisasikan Jabatan Warisan Negara dan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan kerjasama kerajaan negeri selepas mendapati jasa dan pengorbanan kedua-dua pahlawan negara itu semakin dilupakan.

Walaupun jasad Mohamad Amin berjaya dikesan sekitar 1980-an oleh warisnya yang menetap di Singapura, usaha mengenal pasti jasad Ngah Ibrahim menghadapi kesukaran.

Pusara Ngah Ibrahim terletak di Tanah Perkuburan Al-Junid, Jalan Kubor manakala pusara Mohd Amin terletak di Pusara Aman, Chua Chu Kang di Singapura.

Ngah Ibrahim adalah pembesar Melayu terkaya abad ke-13 hasil perlombongan bijih timah di Larut dan dibuang negeri bersama Almarhum Sultan Abdullah, Mohamad Amin dan Datuk Syahbandar selepas terbabit dengan pembunuhan Residen Inggeris di Perak, J W W Brich pada 1875.

Bagaimanapun, Sultan Abdullah diampun 16 tahun kemudian dan kembali ke Perak.



**PAHLAWAN MELAYU:** Gambar Ngah Ibrahim bersama dua anak lelakinya, Wan Mohd Isa dan Mat Nasir disimpan oleh Orang Besar Jajahan Larut Matang dan Selama, Datuk Dr Wan Mohd Isa Wan Ahmad.

**“Jasad Mohd Amin akan dikebumikan bersebelahan pusara Sultan Abdullah yang berjuang bersama mereka menentang penjajah British”**

Mohd Tajol Rosli Ghazali  
Menteri Besar